

**KATA ALU-ALUAN**  
**PENGARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS BATU LINTANG**

Salam Sejahtera.



Bersyukur kita kepada Tuhan kerana koleksi Laporan Inovasi Digital siswa guru PISMP Ambilan Jun 2018 telah berjaya dijilidkan untuk dikongsikan dengan warga pendidik. Siswa guru ini terdiri daripada kumpulan pengajian Bahasa Cina, TESL, Bahasa Melayu dan Sejarah bagi semester pengajian November hingga Disember 2021. Kursus inovasi digital ini memberi peluang kepada siswa guru untuk mengadaptasi kaedah baharu pengajaran selari dengan perkembangan pantas teknologi masa kini. Antara teknologi revolusi industri 4.0 (IR 4.0) yang diterokai oleh pelajar semasa menghasilkan inovasi digital seperti realiti maya (*virtual reality*) (VR) dan realiti terimbuh (*augmented reality*) (AR).

Diharapkan pendedahan ini dapat membantu dalam menyediakan siswa guru yang mempunyai lebih daya kreativiti dan inovasi untuk menghadapi cabaran IR 4.0. Inovasi digital yang dihasilkan bukan sahaja dapat menarik serta mampu meningkatkan prestasi akademik para pelajar. Syabas dan ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Jilid 4 Inovasi Digital. Semoga usaha murni ini mendatangkan manfaat kepada para pendidik secara khususnya dan memartabatkan profesion keguruan secara umumnya.

Sekian, terima kasih.

Dr. Lambat Anak Lindong  
Pengarah,  
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

## Kata-kata Penyelaras Kursus

Inovasi Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran merupakan kursus yang memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan dan melaksanakan projek inovasi bagi pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai mata pelajaran. Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi dan kemahiran keusahawanan seharusnya dapat diterapkan oleh siswa guru semasa membangun dan melaksanakan projek inovasi digital.



Pandemik Covid-19 yang berterusan pada tahun 2021 menyebabkan pembelajaran masih dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dengan menggunakan Google Classroom sebagai pelantar utama untuk PdPc. Walaupun terdapat pelajar yang menghadapi masalah gangguan talian internet disebabkan lokasi mereka yang jauh dari bandar, namun semua siswa guru berjaya menghasilkan projek inovasi digital seperti yang dirancang mengikut Jadual Spesifikasi Tugas (JST). Sebanyak lima belas projek siswa guru telah dipilih untuk menyertai pertandingan *International Innovation Competition (DiLCE) 21*. Seramai empat orang siswa guru yang menyertai pertandingan ini telah memenangi pingat perak dan lima orang memenangi pingat gangsa.

Tahniah diucapkan kepada semua siswa guru yang telah berjaya memenangi pingat. Jutaan terima kasih dan tahniah juga diucapkan kepada pensyarah mengajar yang telah membimbing para siswa guru semasa menyertai pertandingan ini. Kejayaan siswa guru sememangnya meningkatkan lagi semangat pensyarah untuk terus berusaha mengajar dan membimbing siswa guru ke arah inovasi digital yang lebih baik pada tahun-tahun akan datang.

Teruskan berinovasi untuk kecemerlangan akademik!

Sekian, terima kasih.

**Dr. Siaw Nyuk Hiong**

Penyelaras  
Kursus XXXX3152 Inovasi Digital  
Semester Jan-Jun 2021  
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang